



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73

8hb Oktober 2020

No. 21

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

ENAKMEN AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 (PEMAKAIAN) 1985

NATIONAL FORESTRY ACT 1984 (ADOPTION) ENACTMENT 1985

No. 1807.

PENGELUARAN SEBAHAGIAN KAWASAN TANAH DARIPADA
HUTAN SIMPAN KEKAL SEGARI MELINTANG

EXCISION OF PART OF LAND FROM THE SEGARI MELINTANG
PERMANENT FOREST RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 dan 13 Akta Perhutanan Neagra 1984 [*Akta 313*], seperti yang diterima pakai oleh Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [*En. Bil. 3 tahun 1985*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*, kawasan yang dinyatakan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisytiharkan sebagai Hutan Simpan Kekal Segari Melintang yang disiarkan melalui *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Selat* No. 1135 bertarikh 7 September 1917 hendaklah terhenti menjadi sebahagian daripada Hutan Simpan Kekal itu.

JADUAL

Kawasan seluas lebih kurang 41.00 hektar dalam Mukim Lumut, Daerah Manjung bergaris tepi warna kelabu pada P.W. 2018 yang disimpan di Pejabat Daerah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 4 September 2020

[PTG.Pk. 278/2-79(E); PT.Mjg.DT. 59/1/2/2009; PU.Pk 67/71-47 Jld. 5]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak

In exercise of the powers conferred by sections 11 and 13 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], as adopted by the National Forestry Act 1984 (Adoption) Enactment 1985 [*En. No. 3 of 1985*], the State Authority hereby declares that from the date of publication of this Notification is the Perak Government *Gazette*, the area described in the Schedule being part of the area declared as the Segari Melintang Permanent Forest Reserve published *vide* the Straits Settlements Government *Gazette* No. 1135 dated 7 September 1917 shall cease to be part of the Permanent Reserved Forest.

SCHEDULE

The area of approximately 41.00 hectares in the Mukim of Lumut, District of Manjung outlined in grey on P.W. 2018 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping Perak.

Dated 4 September 2020

[PTG.Pk. 278/2-79(E); PT.Mjg.DT. 59/1/2/2009; PU.Pk 67/71-47 Jld. 5]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Secretary
State Executive Council
Perak

No. 1808.

ENAKMEN SETIAUSAHA KERAJAAN, PERAK
(Pemerbadanan) 1951

STATE SECRETARY, PERAK (INCORPORATION)
(Enactment) 1951

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 6

NOTIFICATION UNDER SECTION 6

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 6(1)(b) Enakmen Setiausaha Kerajaan, Perak (Pemerbadanan) 1951 [*Enakmen 6*], saya, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, dengan ini melantik pegawai yang dinamakan dalam Jadual bagi maksud-maksud seksyen 6 Enakmen tersebut berkuat kuasa 1 Januari 2016.

JADUAL

Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

2. Pemberitahuan No. Pk.P.U. 15 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 10 Mei 2007 dan Pemberitahuan No. 1741 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 23 Jun 2016 adalah dibatalkan.

[SSI.Pk. 001; PU.Pk 35/04]

DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM
Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak

In exercise of the powers conferred by paragraph 6(1)(b) of the State Secretary, Perak (Incorporation) Enactment 1951 [*Enactment 6*], I, the State Secretary of Perak, hereby appoints the officer named in the Schedule for the purposes of section 6 of the said Enactment with effect from 1 January 2016.

SCHEDULE

Chief Executive Officer, State Secretary of Perak (Incorporation).

2. Notification No Pk.P.U. 15 published in the Perak Government *Gazette* on 10 May 2007 and Notification No. 1741 published in the Perak Government *Gazette* on 23 June 2016 are revoked.

[SSI.Pk. 001; PU.Pk 35/04]

DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM
State Secretary
Perak

No. 1809.

ENAKMEN LEMBAGA AIR PERAK 1988
PERAK WATER BOARD ENACTMENT 1988

PELANTIKAN ANGGOTA LEMBAGA AIR PERAK
APPOINTMENT OF MEMBER OF THE PERAK WATER BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(2)(e) Enakmen Lembaga Air Perak 1988 [*Pk. En. 12/88*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual mejadi anggota Lembaga Air Perak berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by paragraph 3(2)(e) of the Perak Water Board Enactment 1988 [*Pk. En. 12/88*], the State Authority has appointed the persons in column (1) of the Schedule as member of the Perak Water Board with effect from the date set out opposite their names specified in column (2).

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Dato' Iskandar Zulkarnain bin Abdul Khalid	12 Februari 2020 hingga 11 Februari 2022
Dato' Ir. Mohd Yusof bin Mohd Isa	12 Februari 2020 hingga 11 Februari 2022
Dato' Haji Mohd Zolkafly bin Harun	29 Mei 2020 hingga 28 Mei 2022

(1)	(2)
Dato' Haji Mohd Tarmizi bin Haji Idris	10 Jun 2020 hingga 9 Jun 2022
Dato' Haji Zainun bin Haji Mat Noor	10 Jun 2020 hingga 9 Jun 2022
Najihatussalehah binti Ahmad	10 Jun 2020 hingga 9 Jun 2022

Bertarikh 18 Ogos 2020

Dated 18 August 2020

[LAP(R) 1/91 (32); PU.PK. 15/88 Bhg. III]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
*Setiausaha/
Majlis Mesyuarat Kerajaan/
Secretary
State Executive Council
Perak*

No. 1810.

ENAKMEN BADAN-BADAN BERKANUN
(TATATERTIB DAN SURCAJ) (PERAK) 2003
STATUTORY BODIES (DISCIPLINE AND SURCHARGE)
(PERAK) ENACTMENT 2003

KAEDAH-KAEDAH TATATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN

STATUTORY BODIES DISCIPLINARY RULES

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBKAEDAH 25(7)

NOTIFICATION UNDER SUBRULE 25(7)

Pegawai yang tersebut di bawah telah tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah dari tarikh yang dinyatakan. Suatu penyiaran notis melalui satu surat khabar harian bertarikh 18 Mei 2020 telah dibuat meminta pegawai kembali bertugas dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penyiaran notis tersebut. Pegawai didapati telah tidak kembali bertugas dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penyiaran notis berkenaan. Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pegawai itu hendaklah disifatkan telah dibuang kerja daripada perkhidmatan berkuat kuasa mulai dari tarikh dia tidak hadir bertugas, dan bahawa tatacara berkenaan pemuangan kerja telah dilaksanakan menurut Kaedah 25 Kaedah-Kaedah ini.

The officer mentioned below has been absent from duty without leave or without prior permission or without reasonable cause from the date mentioned. A notice has been published in a daily newspaper dated 18 May 2020 requiring the officer to report for duty within seven (7) days from the date of such publication. Accordingly, notice is hereby given that the officer shall be deemed to have been dismissed from the service from the date of she has been absent from duty, and that the procedures regarding dismissal under Rule 25 of this Rules have been duly instituted.

Nama Pegawai/ <i>Name Officer</i>	Jawatan dan Tempat Kerja/ <i>Designation and Place of Work</i>	Tarikh Mula Tidak Hadir/ <i>Commencement of Absence</i>
Nabella Qalesya binti Abdullah (KP.NRIC. 920122-13-5010)	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 Unit Aduan dan Khidmat Pelanggan, Ibu Pejabat Lembaga Air Perak, Ipoh	18 Disember 2019

Bertarikh 26 Ogos 2020

Dated 26 August 2020

[LAP (T&NP)(S) 2333; PU.Pk 9/04 (LAP)]

DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM

Pengerusi

Jawatankuasa Tatatertib

Lembaga Air Perak/

Chairman

Disciplinary Community

Perak Water Board

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 1811.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Kuala Kurau, Daerah Kerian yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Kerian.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Kuala Kurau, District of Kerian described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for open an space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Kerian District Council.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kerian. Mukim/Mukim—Kuala Kurau. No. Pelan/Plan No.—P.A. 164958. No. Lot/Lot No.—13679. Luas/Area—443 meter persegi/square metres.

Bertarikh 18 Mei 2020

Dated 18 May 2020
[PTG.Pk. 402/6-293(B) Bhg. 2;
PTK(D)07:22/2018;
PUBLPK181–2018;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 101]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
Secretary
State Executive Council
Perak

No. 1812.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Jaya Delima, Wilayah Tanjung Rambutan, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak Dewan Rukun Tetangga dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Perak.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated at Taman Jaya Delima, Wilayah Tanjung Rambutan, Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for *Dewan Rukun Tetangga* and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Department of National Unity and Integration of Perak.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kinta. Mukim/Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan/Plan No.—P.W. 4993. Luas/Area—1115 meter persegi/square metres.

Bertarikh 18 Ogos 2020

Dated 18 August 2020
[PTG.Pk. 239/7-373(C);
PTK(I)1/2/2003;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 101]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
Secretary
State Executive Council
Perak

No. 1813.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Bandar Baru Tambun, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas No. Pelan P.A. 08-066298 bagi maksud kegunaan awam, iaitu suatu tapak kawasan tanah lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Bandar Baru Tambun, Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule and delineated upon Plan No. PA 08-066298 for a public purpose, to wit, a site for an open space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Ipoh City Council.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Kinta. Mukim/*Mukim*—Hulu Kinta. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 08-066298. No. Lot/*Lot No.*—96773. Luas/*Area*—8220 meter persegi/*square metres*.

Bertarikh 25 Ogos 2020

Dated 25 August 2020
[PTG.Pk. 239/7-405(C);
PTK(I)1/8/2004;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 103]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
Secretary
State Executive Council
Perak

No. 1814.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Taman Sri Pengkalan, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas No. Pelan

PA 08-066966 bagi maksud kegunaan awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Taman Sri Pengkalan, Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule and delineated upon Plan No. PA 08-066966 for a public purpose, to wit, a site for an open space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Ipoh City Council.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Kinta. Mukim/*Mukim*—Hulu Kinta. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 08-066966. No. Lot/*Lot No.*—146127. Luas/*Area*—3749 meter persegi/*square metres*.

Bertarikh 25 Ogos 2020

Dated 25 August 2020
[PTG.Pk. 239/7-405(C);
PTK(I)1/9/2004;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 103]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
Secretary
State Executive Council
Perak

No. 1815.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di RPT Jepalang Tambahan, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Tokong Ra-chair dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh orang dan orang-orang yang dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in RPT Jelapang Tambahan, Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Ra-chair Temple and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the person or persons appointed by State Secretary of Perak.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Kinta. Mukim/*Mukim*—Hulu Kinta. No. Pelan/*Plan No.*—P.A.163052. No. Lot/*Lot No.*—540847. Luas/*Area*—5682 meter persegi/*square metres*.

Bertarikh 18 Ogos 2020

Dated 18 August 2020
[PTG.Pk. 239/7-480(C);
PTK(I)13/04/96(19);
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 102]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
Secretary
State Executive Council
Perak

No. 1816.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Taman Desa Pelancongan, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas No. Pelan P.W. 4703 bagi maksud kegunaan awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Taman Desa Pelancongan, Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule delineated upon Plan No. P.W. 4703 for a public purpose, to wit, a site for an open space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Ipoh City Council.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Kinta. Mukim/*Mukim*—Hulu Kinta. No. Pelan/*Plan No.*—P.W.4703. No. Lot/*Lot No.*—145800. Luas/*Area*—3808 meter persegi/*square metres*.

Bertarikh 21 Ogos 2020

Dated 21 August 2020
[PTG.Pk. 239/7-707(C);
PTK(I)1/1/208;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 103]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
Secretary
State Executive Council
Perak

No. 1817.

PEMBATALAN/REVOCATION

Berhubung dengan Pemberitahuan Pembetulan No. 955 dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* bertarikh 21 Mei 2020 dengan ini dibatalkan.

With reference to Corrigendum Notification No. 955 published in the Government of Perak *Gazette* on 21 May 2020 is revoked.

Bertarikh 4 September 2020

Dated 4 September 2020
[PTG.Pk. 513/5-188(C);
PTK(I) 1/22/2000;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 103]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
State Executive Council
Perak

No. 1818.

PEMBATALAN/REVOCATION

Berhubung dengan Pemberitahuan No. 1663 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 12 September 2019, gantikan nama mukim “Mukim Hulu Kinta” dengan “Bandar Ipoh (U)”.

With reference to Notification No. 1663 published in the Government of Perak *Gazette* on 21 September 2019, substitute mukim “Mukim Hulu Kinta” with “Bandar Ipoh (U)”.

Bertarikh 4 September 2020

Dated 4 September 2020
[PTG.Pk. 513/5-188(C);
PTK(I) 1/22/2000;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 103]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
State Executive Council
Perak

No. 1819.

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 2519 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 19 Disember 2019, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual sebagai tapak bangunan Kerajaan di Pekan Simpang Ampat;

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut.

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak berkuasa Negeri dengan ini membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual.

Whereas, by Notification No. 2519 published in the Perak Government *Gazette* on 19 December 2019, notice was given of the intention to revoke the reservation of land described in the Schedule as a site for a Government buildings;

And whereas, no objection to the proposal to revoke the said reservation had been received;

Now therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority hereby revoke the reservation of the land described in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Hilir Perak. Pekan/*Town*—Simpang Ampat. No. Pelan/*Plan No.*—6873. No. Lot/*Lot No.*—265. Luas/*Area*—1 ekar/*acres*, 1 rood/*rood*, 15.1 pole/*poles*.

Bertarikh 2 September 2020

Dated 2 September 2020
[PTG.Pk. 407/2-1011(B);
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 103]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan/
Secretary
State Executive Council
Perak

No. 1820.

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 2520 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 19 Disember 2019, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual sebagai tapak bangunan Kerajaan di Pekan Simpang Ampat;

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut.

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak berkuasa Negeri dengan ini membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual.

Whereas, by Notification No. 2520 published in the Perak Government *Gazette* on 19 December 2019, notice was given of the intention to revoke the reservation of land described in the Schedule as a site for a Government buildings;

And whereas, no objection to the proposal to revoke the said reservation had been received;

Now therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority hereby revoke the reservation of the land described in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Hilir Perak. Pekan/*Town*—Simpang Ampat. No. Pelan/*Plan No.*—6873. No. Lot/*Lot No.*—266. Luas/*Area*—1 ekar/*acres*, 2 rood/*rood*, 12.3 pole/*poles*.

Bertarikh 2 September 2020

Dated 2 September 2020
[PTG.Pk. 407/2-1011(B);
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 103]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan/
Secretary
State Executive Council
Perak

No. 1821.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Haji Abdul Rahman bin Haji Harun tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
		RM	RM	RM	RM	RM
Geran		2020	1984-2019	Denda Lewat 1984-2019	Notis 6A	
00066573	000076	246.00	7,448.00	372.40	20.00	8,086.40
P Bruas		Amaun kurang —				
		Amaun lebih —				
		Remisyen —				
		Jumlah 246.00				

Bertarikh 4 Mac 2020
[PT.Mjg. 400/3-364]

*Pentadbir Tanah Daerah
Manjung*

No. 1822.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Othman bin Lazim yang beralamat di 13 Jalan Parit Bruas, 32700 Perak, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
		RM	RM	RM	RM	RM
Pajakan Mukim		2020	2016-2019	Denda Lewat 2016-2019	Notis 6A	
00000259	008452	132.00	498.00	24.90	20.00	674.90
Beruas		Amaun kurang —				
		Amaun lebih —				
		Remisyen —				
		Jumlah 132.00				

Bertarikh 2 Jun 2020
[PT.Mjg. 400/3-385]

*Pentadbir Tanah Daerah
Manjung*

No. 1823.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Vengedesu a/l Nagaiah, tuannya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
		RM	RM	RM	RM	RM
Pajakan Negeri		2020	1986-2019	Denda Lewat 1986-2019	Notis 6A	
00022187	026405	60.00	1,640.00	82.00	20.00	1,802.90
Sitiawan		Amaun kurang —				
		Amaun lebih —				
		Remisyen —				
		Jumlah 60.00				

Bertarikh 22 Jun 2020
[PT.Mjg. 400/3-437]

*Pentadbir Tanah Daerah
Manjung*

TAMBAHAN

Kepada Minister of Finance (Incorporated) Malaysia pemegang gadai/pemegang pajak kecil/penyewa/pemegang lien/pengkaveat/pemegang isemen.

Sekiranya tuan/puan ada sebab mempercayai bahawa tuan/punya bagi tanah yang dijadualkan di atas itu dan atasnya tuan/puan ada hak mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkir daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar berkenaan dengannya maka tuan/puan boleh mengelakkan tanah itu daripada dirampas dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan itu, jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan tanah itu.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa (dengan tidak melemahkan apa-apa hak di bawah seksyen itu untuk mendakwa tuan/punya itu secara terus) menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98 Kanun Tanah Negara, hak-hak istimewa bagi mendapat balik bayaran-bayaran adalah seperti berikut—

- (a) apa-apa wang yang dibayar oleh pemegang gadai hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kena dibayar kemudian daripadanya atas gadaian itu;

- (b) apa-apa wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil ataupun penyewa boleh didapatkan balik dengan memotong jumlah wang itu daripada apa-apa sewa yang ia kena membayar pada masa itu atau kemudian daripada itu kepada tuanpunya tanah itu kepada sesiapa yang daripadanya tanah itu dipegang;
- (c) seseorang pemajak, pemajak kecil atau penyewa yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau apa-apa potongan menurut seksyen itu boleh mendapat balik jumlah wang yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan sejumlah itu juga daripada jumlah bayaran sewa yang kena dibayar olehnya.

Bertarikh 22 Jun 2020

*Pentadbir Tanah Daerah
Manjung*

No. 1824.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Ah Nooi nama samaran Lim Ah Nooi, Chan Pann Wah, Chong Seng Chiew nama samaran Chong Teng Nam, Ha Tuck San, Kong Lian Thye, Lau Nyip Kam, Lee Ah Kim, Lee Ching Ying, Lee Soon nama samaran Lee Kuan Soon, Leong Koi Lan, Lim Ah Nyi nama samaran Lim Keng Hong, Lim Chit Sze, Liong Sian, Loo Chee, Loo Siew Hooi, Low Ah Fatt, Low Yip Won nama samaran Liew Yet Yoon, Lue Chee Yew, Muniandy a/l Sankan, Poh Chiah Mooi, Sam Ah Ngau, Sam Tam Kau nama samaran Tham Siew Sin, Shum Ah Thoe, Shum Hooi Loong, Sum Siew Kit, Toh Chee Chong, Yang Chor Keng, Yip Fook Hoong dan Chan Peng Choy yang beralamat di d/a Jayabalan a/l Nagan, 205A Kawasan Klinik Pusat Kesihatan Besar, Lenggong, 33400 Perak, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Daerah dan Hulu Perak, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
		RM	RM	RM	RM	RM
Pajakan Negeri		2020	2015-2019	Denda Lewat 2015-2019	Notis 6A	
00404667	0034061	81.00	369.00	18.80	20.00	461.80

M. Gerik

Bertarikh 8 September 2020
[PTGK. 04/03/404667/18/344]

*Pentadbir Tanah Daerah
Hulu Perak*

No. 1825.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Ah Nooi nama samaran Lim Ah Nooi, Chan Pann Wah, Chong Seng Chiew nama samaran Chong Teng Nam, Ha Tuck San, Kong Lian Thye, Lau Nyip Kam, Lee Ah Kim, Lee Ching Ying, Lee Soon nama samaran Lee Kuan Soon, Leong Koi Lan, Lim Ah Nyi nama samaran Lim Keng Hong, Lim Chit Sze, Liong Sian, Loo Chee, Loo Siew Hooi, Low Ah Fatt, Low Yip Won nama samaran Liew Yet Yoon, Lue Chee Yew, Muniandy a/l Sankan, Poh Chiah Mooi, Sam Ah Ngau, Sam Tam Kau nama samaran Tham Siew Sin, Shum Ah Thoe, Shum Hooi Loong, Sum Siew Kit, Toh Chee Chong, Yang Chor Keng, Yip Fook Hoong dan Chan Peng Choy yang beralamat di 110 Jalan Kuala Kenderong, 33300 Gerik, Perak, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Perak segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
		RM	RM	RM	RM	RM
Pajakan Negeri		2020	2017-2019	Denda Lewat 2017-2019	Notis 6A	
00404497	0034013	81.00	222.00	11.50	20.00	307.50
M. Gerik						

Bertarikh 8 September 2020
[PTGK. 04/03/404497/20/383]

*Pentadbir Tanah Daerah
Hulu Perak*

No. 1826.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Sahat bin Bakin, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini di Larut dan Matang, Taiping segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa jumlah/mana-mana daripada jumlah jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
		RM	RM	RM	RM	RM
G.M.		2020	1990-2019	Denda Lewat 1990-2019	Notis 6A	
1943	5064	80.00	1,860.50	92.50	20.00	2,048.00
Sungai Tinggi		Remisyen 5.00				
		Jumlah 75.00				

Bertarikh 14 September 2020
[PTLM. 146/6/2018/09-39]

MOHAMED AKMAL BIN DAHALAN
*Pentadbir Tanah Daerah
Larut, Matang dan Selama*

No. 1827.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Asri bin Ahmad yang beralamat di 6 Jalan Asrama Dr. Burhanuddin, 34000 Taiping, Perak, tuannya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini di Larut dan Matang, Taiping. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa jumlah/mana-mana daripada jumlah jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

